




# Kirovsky Awareness Campaign

May '2008

KIROVSKY ISLAMIC CENTRE ©


# KIROVSKY ISLAMIC CENTRE



INSIDE

*Lets Make it a Reality!!!*

Masjid KITA...	2
Mat Kool & Mat Macho	6
Temubual Eksklusif	7
The Plan	10
Munajat Seorang Hamba	12
Senario Saf Jumaat	14



## *Setiap Siref... Setiap Siref...*

*'Ini ke rupe masjid Volgograd? Tak macam masjid pun.....'*

Inilah ungkapan pertama yang keluar dari mulut bila lihat rupa masjid LING-GARANSKAYA masa 1st year(2002) dulu. Dengan jumlah kehadiran jamaah muslimin dan muslimat yang tak memberangsangkan, ditambah pula dengan ukuran bangunan masjid yang agak kecil. Suram jer rasa masjid masa tu.. Tapi dalam masa yang singkat, dengan keizinan ALLAH dari setahun ke setahun, jamaah makin bertambah, dan tanpa disedari, masjid kini jadi makin berseri-seri. Berbeza sekali perasaan bila dibandingkan waktu mula-mula melihat masjid ni dulu. Peliknya, struktur bangunan boleh dikatakan langsung tak berubah. Mengapa yer....?

Ini jelas membuktikan bahawa Wajah RUMAH ALLAH bukanlah bergantung pada ukuran, hiasan luaran atau dalaman semata-mata tapi yang terlebih penting dari itu adalah kehadiran hati-hati hambanya, hati-hati yang mencari rahmat Ilahi, hati-hati yang insaf, hati-hati yang inginkan kedamaian rohani, hati-hati yang ingin bertemu dan berpisah dengan saudara seislamnya hanya kerana ALLAH, yang datang dari pelusuk tempat, meninggalkan segala urusan untuk mengabdikan diri pada ALLAH, memuji serta memuja ALLAH yang MAHA ESA.

Subhnallah..Indahnya ISLAM yang aku

anuti.

Hebatnya RUMAH ALLAH yang aku kunjungi..Alhamdulillah...

Adakah menjadi kewajipanku/tugasku utk mengimarahkan masjid?

Siapa lagi kalau bukan kita, dan semangrya tugas, amanah, kewajipan dan tuntutan kepada kita untuk mengimarahkan(menyirikan) masjid. Kehadiran kita, kehadiran saudara mara seislam kita dari setahun ke setahun dengan bertambah jumlahnya membuatkan masjid sekarang betul-betul berseri.

Sangat indah, sehinggakan halawah (kemanisan) perasaan kasih dan sayang pada RUMAH ALLAH membuak-buak dalam hati. Tak sabar untuk menunggu hari perayaan kita, hari Jumaat, hari Aidil Fitri, Aidil adha dan sebagainya untuk datang dan melihat RUMAH ALLAH yang dikunjungi oleh ahli-ahlinya yang bermacam jenis warna kulit, bermacam jenis bahasa dan bu-



..daya datang semata-mata untuk men-



## KIROVSKY ISLAMIC CENTRE ©

gimarahkah RUMAH ALLAH. Subhanallah.

'Tidak aku jadikan jin dan manusia melainkan utk beribadat kepadaku'.  
Menjadi kewajipan kita untuk beribadat pada ALLAH SWT, dan tiada tempat mana yang lebih afdal, lebih dekat, lebih mulia untuk kita beribadat kepada ALLAH selain di RUMAH ALLAH sendiri. Menjadi tetamu ALLAH.

Perasaan kasih pada saudara seIslam, kasih pada RUMAH ALLAH yang mengumpulkan hambahambanya dibawah satu bumbung hanya boleh dirasa pada hati yang teruja, hanya boleh tersentuh pada hati yang Taat dan Patuh pada Islam.

Dengan matlamat yang satu yakni beribadat pada ALLAH, Hambahambanya datang berkumpul dengan wajah yang penuh ceria, dengan senyuman-senyuman ikhlas yang terpapar di wajah masing-masing, kelembutan salam, sentuhan-sentuhan insan yang inginkan kedamaian dan redha ALLAH, beramah mesra, bertegur sapa dan bertanya khabar antara satu sama lain memancarkan lagi sinaran cahaya pada RUMAH ALLAH ini. Subhanallah. Indah nya Rumahmu YA RABBI...

Menyedari hakikat ini, Alhamdulillah, dengan keizinan ALLAH yang MAHA ESA, Berkat usaha dan


inisiatif Mufti dan orang-orang yang berkaitan, kita dihadihkan dengan satu lagi usaha pembinaan RUMAH ALLAH, yakni pembinaan Masjid atau Islamic Centre in Kirovsky Region. Alhamdulillah....

Namun, proses pembinaan masjid ini bukanlah satu kerja yang mudah. Lebih-lebih lagi urusan pembinaan ini tidak mendapat apa-apa peruntukan dari kerajaan RUSSIA. Semuanya bergantung pada sumbangan dari pihak-pihak



atau individu-individu tertentu sahaja. Setahun lebih sudah berlalu, dan alhamdulillah, jumlah yang terkumpul sudah mencecah lebih kurang **2juta rubel**. Banyak kan. Hakikatnya itu hanyalah **10%** sahaja dari anggaran kos pembinaan keseluruhannya iaitu lebih kurang **15juta rubel... Masih 90% yang kita perlukan.**

Bila difikirkan, macam manalah cara untuk mencukupkan jumlah yang sangat besar tu. Pernah satu ketika, berbincang dengan Mufti Volgograd, Hadrat Ilyas, mengenai masalah kewangan yang sedang dihadapi untuk proses pembinaan itu. Namun den-



gan hati yang tenang, wajah serta senyuman yang berseri, Mufti berkata 'Yakinlah pada ALLAH. InsyaAllah ALLAH akan permudahkan segalanya untuk membina RUMAHNYA..'

Tersentak rasa hati bila dengar kata-kata Mufti. Hebat sangat keyakinan beliau pada ALLAH. Barangkali ALLAH telah menghantar kita sebagai wakil-wakil jua tentera-tentera yang akan membantu untuk merealisasikan impian murni ini. Kita antara komuniti Islam terbesar kat Volgograd. Kita juga sentiasa menjadi perhatian umum untuk dijadikan contoh iktan. Nama muslimin muslimat Malaysia juga tersangat mashyur di Volgograd sekarang. Di masjid juga sentiasa diperkatakan tentang keramahan budi pekerti, akhlak (saksiyah) muslimin muslimat Malaysia.




Dari kerana itu, sudah tiba masanya, wahai saudara maraku sekalian, adik-adikku yang dirahmati ALLAH, menyeru pada diriku jua semua, ayuhlah kita bangkitlah bersama-sama, kita berganding bahu untuk pembinaan RUMAH ALLAH ini. Kita bantulah semampu mungkin. Jangan biarkan proses pembinaan ini tergendala kerana kelekakan kita, ketidakprihatinan kita...

***Inilah tugas kita, Inilah masa kita...***





Ikhlasikan hati, dan Bantulah dengan apa jua yang cara kita mampu. Sesungguhnya tangan-tangan kita menjadi saksi pada hari Pengadilan kelak. InsyaAllah.

'Perumpaan (nafkah yang dikeluarkan oleh) orang-orang yang menafkahkan hartanya di jalan ALLAH adalah serupa dengan sebutir benih yang menumbuhkan tujuh bulir, pada tiap-tiap bulir seratus




biji. Allah melipat gandakan (ganjaran) bagi siapa yang Dia kehendaki. Dan AL-LAH MAHA LUAS (kurniaNYA) lagi MAHA MENGETAHUI' (Al-Baqarah : 261)  
Wa'llahuallam bissowwab.

Hari duit JPA /MARA/ETC MASUK . . . .

	<p>Alhamdulillah... duit dah masuk, bolehla derma untuk masjid kirovsky!!</p>
	<p>Seronotnya... duit da masuk, bolehla beli baju kat MNG tu!</p>
<p>Akhir bulan, waktu takde duit . . . .</p>	
	<p>sedeynye.. duit tinggal 1000 ruble je tuk bln ni, tp tabung kirovsky x cukup2 lai.. xpela, saya derma 200 rubl dulu, nnt duit masuk derma lai insyaAllah</p>
	<p>WaAa... duit tinggal 1000 rubl je tuk bulan ni... nak baya itula, inila... nantila derma, bile duit masuk</p>
<p>Ble duit masuk lai ,cycle pon berulang ...</p>	
<p>↓ walaupun sket2, tapi kalo ikhlas insyaAllah dpt ganjaran dari Allah!!</p>	<p>↓ sampai sudah pun x derma2 lai!</p>
<p>SO, KITA NAK JADI YANG MANA?????</p>	
<p>By, coco ♡</p>	

*Lets make it a reality!*



## KIROVSKY ISLAMIC CENTRE ©

*Mat Kool seorang pelajar medik di Volgograd, sedang asyik melayari internet. tatkala asyik dlm arus informasi dan teknologi yg bertubi2, die diBUZZ oleh kawan sekolah rendahnya, Mat Macho.*

BUZZ!!

**Mat Kool:**eh, salam mat macho yg sentiasa macho, ape kaba?

Mat Macho:Oi, mat kool, salam. Berhasil gak usaha aku mengebuzz ko, ssh btul nk kontek doc rusia ni. kabar baik bro..ko cmne, pakai baju winter lg ke?

**Mat Kool:**aku baik alhamdulillah..uih, skrg dah x sejuk la, kalo x siuman pakai la, haha..hah, alang2 ko ade ni, aku nk cite pasal pusat islam yg diorg nk wat kat kirovsky..

Mat Macho:oo, yeke...jemput2 cte.

**Mat Kool:**alkisahnyanya begini, kat bandar volgograd yg panjang lbh krg 120 km ni stkt ni ade 2 masjid je, mmg x cukup..lbh2 lg, umat Islam makin berkembang kat sini, jd diorg pn usaha nk bina satu pusat islam..blehla org blaja ilmu agama kt sini, wat aktiviti kemasyarakatan ke..

Mat Macho:uish, kat sane ade 2 msjid je?

**Mat Kool:**a'a, tp sebenarnya satu je yg utama..yg kat kirovsky tu sebesar rumah teres je. tmpt tu la yg nk dibesarkan jd pusat islam, inshaAllah

Mat Macho:op...pane?

**Mat Kool:**kalo ko nak tau lg ape2 lg pasal progress ngn status kirovsky tu, ko tubekla ke [www.musliminvolgo.wordpress.com](http://www.musliminvolgo.wordpress.com) pas2 sebar2kan la kat mak ayah ko, abang ko, jiran ko, anak sedara, sepupu sepatutnya ke..Barangsiapa yg mengajak pd: jln kebaikan, pahalanya same ngn org mengerjkan kebaikan tu, kan

Mat Macho: Btul2. mende2 baik ni jgn ditangguh..tp komisen ade x utk aku ni, hehe?

**Mat Kool:**uish, mesti ade nye..kalo takat bank kt msia tu jamin komisen 7.5% je, untung derma ni 700%. Dah la tu, penjaminnya Yang Maha Pemurah Lagi Maha Adil. Syaratnye, ikhlas kerana Allah taala.


Mat Macho:uhuk, tersentak dada beta..makan dalam ni, hehe. apa2pon, time ksh bro..iAllah aku cuba usahakan. kalo dimurahkn rezeki, aku g sane tlg letak bata2 skali..

**Mat Kool:**waa, smgt btul, mantap2..aku pn nk kene blah jap. kene masak utk grp mate ni, ble2 free aku kontek lg, inshaAllah..

Mat Macho.fuyoo, dah pndai masak ke?aku nk g kedai mamak jap ni, nak pesan ape2 x?

**Mat Kool:**huhu..xpe2, bro..sabar2..tgg ko nnt, hehe. Salam

-husskenlace-



## E.x.c.L.u.S.i.V.e INTERVIEW

with *Hadrat Rustam (mufti Kirovsky)*



Hadrat Rustam (mufti kirovsky) & Nazim (project manager)

*Can you tell us about the progress of mechet construction so far?*

On the second floor, half of it will not be built, so there is nothing between the first and second floors, but instead there is a balcony, so that the muslimahs can see the imam (directly). Unlike the *mechet* (masjid) (in *lenkoranskaya*), where the muslimahs see the imam through a television – the former would be better, through a balcony. And on the second

floor there are also classes for students, *insyaAllah*, and the 3<sup>rd</sup> floor will be the dormitory for students.

***How many people can pray in the new mosque?***


500 – 1000 ma'mum

***Why do we desperately need this mechet?***

Because Volgograd is a very long city. If we measure starting from where I live, *spartanovka*, to *krasnoarmeiskaya* – 120km, people wont be able to make the journey to one *mechet*.

120km is very long. The whole *gorad* (city) is long. That is why we need some *mechets* (if possible) in every region of this thin, far reaching and long city. That's why the one small *mechet* which we have right now, situated at the end of the city, where we have a lot of residents - Tatars, Chechens , especially Tatars in the *kirovskiy* region, when they come to the *mechet*, *Wallahi* (by Allah) during the Friday prayers there is no place at all. There wasn't even space to do prayers. Where they should go to then? When this new *mechet* is finished, there will be more young people coming, elderly, children etc.

Because now our youngsters go on the streets, doing whatever, maybe drinking




with other Russians .. it's better for them to come to the *mechet*. That's why our aim is to make *mechets* in every region. This will be the first, *insyaAllah*. To our utmost strength a beautiful proper mosque. The mosque/*mechet* we have near here before was also a *dom* (single house), and then we made it bigger and bigger. And this time we're making it from a new perspective, with the full documentation. There will be a 24m minaret- a beautiful one- so that all people can recognize it as a mosque, even from afar.

***What significance this mechet might have for our ummah in Volgograd?***

Mosque itself is a symbol of a community cohesion. Malaysians, Chechens, Tatars, Indians, Arabs will come and know that there is a mosque and unite. So that we can communicate and mix with each other. Because we are already one as Muslims. So that everyone wont just pray at their apartments or hostels separately - the Tatars pray at home, the Arabs pray somewhere else. It's better to go to the masjid. So that (at least) during Jumaat prayers the Jama'ah becomes strong, and mix with each other. For this it is necessary to have a mosque. And mosque is also a place where religious teachings can be held freely especially for the muslimah, muallaf or even non-muslim who wants to know about Islam.

## The construction site





Suatu hari di Aktoviy Zal semasa hampir semua pelajar tahun Enam berkumpul untuk mendengar kuliah Rektor...

*"Raminya manusia...ingatkan kita ni dah ramai..."  
"Baru tahu betapa kecilnya Malaysia kan, tenggelam kita dalam dewan ni"*

Memang benar..dalam peta dunia..Malaysia hanyalah satu cebisan kecil dari benua Asia,jika ditakdirkan Allah paras laut naik, pasti Malaysia adalah antara negara yang mula-mula tenggelam..

Sekecil-kecil Malaysia dan sedikitnya Melayu disini, kitalah majoriti Muslim dari luar negara di Volgograd.

Dengan itu,seharusnya kita bekerja dalam satu kelompok untuk membesarkan lagi komuniti Islam Volgograd, kerana itu adalah menjadi tanggungjawab mana-mana manusia yang sudah mengucap dua kalimah Syahadah.


Namun, paling utama adalah ingatan, bahawa keupayaan untuk membantu bukanlah bermaksud kita lebih baik dari mereka, akan tetapi itu adalah peluang yang diberikan Allah untuk kita memperelokkan lagi amalan kita, kerana pasti suatu hari nanti, tiba giliran kita pula yang memerlukan bantuan..

**"Dan (ketahuilah bahawa) sesuatu pemberian atau tambahan yang kamu berikan, supaya bertambah kembangnya dalam pusingan harta manusia maka ia tidak sekali-kali akan kembang di sisi Allah (tidak mendatangkan kebaikan) dan sebaliknya sesuatu pemberian sedekah yang kamu berikan dengan tujuan mengharapkan keredaan Allah semata-mata, maka mereka yang melakukannya itulah orang-orang yang beroleh pahala berganda-ganda." ( Ar-Rum : 39)**



Semoga kita semua dikurniakan Taufik dan Hidayah oleh Allah..Wallahualam...

-whitesabre-




# The Plan..




3rd floor - students' dormitory



2nd floor - muslimah praying room


1st floor - muslims' praying room





## KIROVSKY ISLAMIC CENTRE ©





## Munajat Seorang Kamba

Ya Allah, tiada Tuhan selain Mu Tuhan Yang Maha Kaya lagi Maha Agung. Selawat serta salam ke atas junjungan nabi Muhammad saw kekasihMu dan kekasih kami Ya Allah.


Dengarkanlah Ya Allah, suara rintihan hambamu yg menagih simpatimu moga dapat Kau berkenankan. Ya Allah sesungguhnya semua yang aku miliki, nyawa ini, tubuh ini dan harta2ku ini semuanya adalah milikMu yg Kau wariskan kepadaku, yg Kau pinjamkan kpdku agar dpt aku mengabdikan diri kepadamu. Namun pemberianMu itu hanya sedikit saja yg dapat ku kembalikan kepadamu jika dibandingkan apa yg telah Kau anugerahkan kpdku. ampunkanlah diriku ini Ya Allah atas kedaifan, atas kelemahan diri ini, kekikiran jiwa ini utk membelanjakan hartaku ini ke jalanMu Ya Allah. Jadikanlah diri ini dermawan spt dermawannya Saidina Abu Bakar.

Ya Allah, bantulah usaha kami ini utk membangunkan sebuah lagi rumahMu di bumi Volgograd ini. Jauh dari sudut hatiku ini aku berasa sedih kerana mungkin aku tak dapat melihat dan berkesempatan melakukan ibadah di rumahMu itu Ya Allah, namun ku harap agar org2 selepasku ini dpt menikmati keselesaan dlm melakukan ibadah, mensyukurinya dan mengimarahkan rumahMu itu Ya Allah.

Ya Allah jadikanlah masjid itu satu tempat utk umat2Mu berhimpun, menghubungkan silaturrahim, merapatkan ukhuwah, jadikanlah mereka bersatu padu walaupun berlainan bangsa, warna kulit atau bahasa pertuturan. Jadikanlah ia sebuah pusat ilmu agar dapat hamba2Mu mengenaliMu dgn lebih dekat, mempelajari apa yg diajarkan oleh junjungan besar nabi muhammad saw dan agar dapat kami amalkan dan sampaikan kepd seluruh umat manusia di muka bumi ini.

Ya Allah, ikhlaskanlah hati ini utk membelanjakan harta ke jln Mu Ya Allah. Jadikanlah setiap sen duit yang kami keluarkan sbg penyelamat drpd api nerakamu Ya Allah di akhirat kelak.


Ya Allah kuatkanlah hatiku ini, hati adik2ku ini agar mereka dpt meneruskan perjuanganku ini, agar mereka istiqamah dlm melakukan



pekerjaan mulia ini, dan ganjarilah mereka dengan ganjaran pahala yang berlipat kali ganda, maafkanlah dosa2 mereka seperti yang Kau janjikan.


Ya Allah perkenankanlah doa hambamu ini...aminnnn ya rabbal 'alamin.

## Berbelanjalah Dengan Bijak



“Berimanlah kamu kpd Allah dan Rasul-Nya dan belanjakanlah (pada jln kebajikan) sebahagian dari harta benda (pemberian Allah) yg diadikannya kamu menguasainya sbg wakil. Maka org<sup>2</sup> yg beriman di antara kamu serta mereka membelanjakan (sebahagian dari harta pd jalan Allah); mereka tetap beroleh pahala yg besar” -Al-Hadid : 7






**JOM!!**


Mari kita bersama<sup>2</sup> memeriahkan kempen ini dgn menghadirkan diri ke Karnival Kirovsky bertempat di Hostel Hiroshima, 10 Mei 2008:-

- 1045 : Ketibaan tetamu
- 1100 : Kata-kata aluan pengerusi majlis  
Tilawah
- 1110 : Ucapan Mufti  
*Chit-chat* bersama pelajar<sup>2</sup> 6<sup>th</sup> year
- 1145 : Slideshow
- 1200 : *Charity Sale* (3<sup>rd</sup> floor)


### Senario Saf Jumaat....




1st floor Underground  
**2002**



1st floor Underground  
**2004**




1st floor Underground  
**2006**



1st floor Underground  
**2008**

### Kenapa Saf bertambah??


1. Pelajar Msia bertambah? (Betul, tapi saf yang bertambah lagi banyak dari pelajar baru)
2. Ramai Russian yang masuk Islam?? (Mufti kata, tak ramai pun yang masuk Islam.....)
3. Orang Islam di Russia mula mendalami Islam??



Jadi, apa aku kena buat?

Hanya 2 pilihan aku:-

1. Buat bodo (jika ini pilihanku, mungkin aku antara penyebab terbantutnya Islam di bumi Volgograd ini)
2. Buat pandai- Bantu bersungguh2 (jika ini pilihan aku, alhamdulillah, Allah telah membuka hatiku yang lemah dan berdosa ini)



Bagaimana aku nak bantu?

1. Bantu ala-kadar (membelanjakan sedikit harta utk masjid Kirovsky)
2. Bantu berkadar..(belanja byk sikit, insyaAllah rezekiku ada di mana2)
3. Bantu bersungguh2 (bukan sekadar menderma, tapi cuba dapatkan derma dari keluarga, kawan, ketua kampung, jiran tetangga, CEO company besar macam nona roguy etc.)

Pilihan ada di tangan kita, marilah menyumbang sepenuh kemampuan kita, yang penting ikhlas, menyumbang bukan kerana nama, bukan kerana segan dengan org, tapi kerana Allah swt....

**JOM BANTU!!!**

**ANDA BOLEH MENYALURKAN SUMBANGAN IKHLAS ANDA KEPADA:**

**1. Hazimi (6th year)**

**2. Anis (5th year)**

**3. Azimah (4th year)**


**4. Uzair (3rd year)**

**5. Faiz (1st year)**

**6. Naqib/naqibah masing-masing**

*Lets make it a reality!*

# HOW TO GET TO KIROVSKY ISLAMIC CENTRE?



**ADDRESS:**  
Ул. Лавровая **16**, Кировский

**16, 26, 86, 13K, 156**

